

29/01/1997

Anwar perjelas siasatan MAS (HL)

Izman Ismail

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Anwar Ibrahim menjelaskan, siasatan berhubung kelemahan perkhidmatan Penerbangan Malaysia (MAS) tidak ada kena mengena dengan dakwaan kononnya pihak tertentu mahu menjatuhkan Pengerusi Eksekutifnya, Tan Sri Tajudin Ramli.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, siasatan itu adalah atas dasar kepentingan awam semata-mata. Sehubungan itu, beliau menafikan memaklumkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai mana-mana pihak yang mahu menjatuhkan Tajudin.

"Siasatan berhubung kelemahan perkhidmatan MAS tidak ada kena-mengena dengan perkara itu sebaliknya bertujuan membaiki kelemahan perkhidmatan syarikat penerbangan itu," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan dan Majlis Tanah Negara di sini, hari ini.

Sebelum ini, Berita Harian melaporkan MAS yang pernah memenangi beberapa anugerah menghadapi masalah mutu perkhidmatan yang semakin merosot berpunca kekurangan kakitangan dan juruterbang.

Berikutan itu, Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik mengarahkan siasatan terperinci bagi menyelesaikan masalah itu yang disifatkannya serius. Kemerostan perkhidmatan MAS turut diakui Tajudin yang memberi jaminan perkara itu diberi perhatian utama.

Jumaat lalu, Dr Mahathir meminta supaya kritikan terhadap MAS dihentikan bagi mengelak syarikat itu menghadapi keruntuhan.

Perdana Menteri yang menyifatkan kritikan itu sebagai kempen untuk menjatuhkan Tajudin dan pengurusannya berkata, tidak salah mengkritik jika benar ada yang tidak baik dengan pengurusan MAS.

Sementara itu, mengumumkan hasil mesyuarat hari ini, Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, pemansuhan Akta Kawalan Sewa (1966) akan dibentangkan di Parlimen pada Mac dan berkuatkuasa pada 1 September ini.

Menurutnya, akta berkenaan perlu dimansuhkan supaya kadar sewa dan pembangunan tidak terjejas sebaliknya dapat dilaksanakan dengan lebih teratur dan adil.

Bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan memberi kelonggaran kepada kerajaan negeri yang menghadapi masalah untuk melaksanakannya selewat-lewatnya pada 1 Januari 2000.

"Kita tidak boleh laksanakan serta-merta sebab ada ikatan perjanjian dengan penyewa di bandar besar seperti di Pulau Pinang, Wilayah Persekutuan dan Pahang.

"Ada cadangan untuk menubuhkan tribunal bagi mengambil kira rungutan dan masalah berbangkit. Kita akan beri kesempatan kepada pihak terbabit untuk mengemukakan rayuan dan mendapat keputusan muktamad di tribunal ini," katanya.

Anwar turut mengumumkan, pindaan Akta Pengambilan Tanah (1990) juga akan dibentangkan di Parlimen pada Mac ini, bagi memperjelas maksud pengambilan tanah bagi tujuan awam dan pembangunan ekonomi.

"Pindaan itu memperuntukkan tatacara pengambilan tanah termasuk semakan oleh Unit Perancang Ekonomi negeri dan Persekutuan. Di samping itu, ia memberi pilihan kepada tuan tanah untuk terbabit dalam proses membangunkan tanah mereka," katanya.

Anwar berkata, kadar penilaian tanah yang kini berbeza-beza turut diberi perhatian dan beliau memberi jaminan ia diselaraskan dalam pindaan itu.

(END)

